

UniSZA jalin kerjasama dengan 10 universiti di Jordan



Zainal Abidin (UniSZA) menjalin kerjasama dengan 10 universiti di Jordan yang dimeterai melalui memorandum persefahaman yang diadakan dalam satu majlis di Education Malaysia Jordan di Amman, Jordan baru-baru ini.

Antara universiti terlibat ialah Universiti Sains dan Teknologi Jordan, Universiti Philadelphia, Universiti Yarmouk, Universiti Al-Zaytoonah, Universiti Al-Ahliyya Amman dan Universiti Zarqa.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif yang mewakili UniSZA dalam majlis itu berkata, kerjasama tersebut bertujuan mempromosikan UniSZA khususnya bagi program di peringkat pascaijazah iaitu sarjana dan doktor falsafah (PhD) kepada calon-calon pelajar dari Jordan.

"Kita juga akan bekerjasama dalam bidang penyelidikan antara universiti serta mengadakan pertukaran pelajar dan staf.

"Saya harap dengan kerjasama ini, hubungan antara UniSZA dengan universiti di Jordan akan bertambah erat serta melancarkan proses kemasukan pelajar dari Jordan selepas ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ketika ini, siswazah di UniSZA adalah seramai 1,955 orang termasuk 599 orang pelajar antarabangsa.

Daripada jumlah itu, seramai 209 pelajar antarabangsa adalah dari Jordan yang terdiri daripada 57 pelajar peringkat sarjana dan 152 pelajar peringkat PhD.